

## **PROFIL PEMASARAN PROGRAM**



KANDUNGAN	Muka Surat
1.0 Pengenalan .....	3
2.0 Objektif.....	4
3.0 Tarikh & Tempat .....	4
4.0 Kaedah Pelaksanaan.....	4
5.0 Struktur Organisasi.....	5
6.0 Tentatif Program .....	6
7.0 Implikasi Kewangan .....	8
8.0 Justifikasi Kerjasama.....	10
9.0 Faedah Kerjasama .....	10
10.0 Penutup.....	11
Borang Maklumbalas .....	13





## 1.0 Pengenalan -----

Aspek pengurusan alam sekitar merupakan salah satu isu global yang diberikan perhatian pada masa kini. Kelestarian alam sekitar merupakan penentu kepada kesejahteraan kehidupan manusia. Arus kemajuan yang kian meningkat telah menuntut kita mengimbangi penggunaan sumber asli dan persekitaran agar ia tidak musnah dan pupus pada masa akan datang. Konsep Pembangunan Lestari merupakan kaedah penting dalam menjaga alam sekitar dan pada masa yang sama dapat mengingkatkan kemajuan ekonomi Negara. Pembangunan Lestari Pembangunan yang memenuhi keperluan generasi semasa tanpa mengkompromikan kemampuan generasi akan datang memenuhi keperluan mereka (Suruhanjaya Dunia Bagi Alam Sekitar dan pembangunan, 1987).

Generasi muda merupakan golongan yang akan menentukan kelestarian alam sekitar Negara diteruskan. Hampir semua Golongan pemimpin masyarakat lahir dari institusi pengajian tinggi yang bakal membawa amanah memperjuangkan kelestarian alam sekitar. Pembangunan keupayaan dikalangan pelajar IPT dalam aspek melestarikan alam sekitar merupakan perkara penting yang harus dilaksanakan. Pendedahan konsep dan praktikal dalam melestarikan alam sekitar seharusnya bermula di IPT sama ada secara langsung melalui pelbagai program kemahasiswaan mahupun dimasukkan ke dalam silibus kurikulum pengajian di universiti.

Inisiatif Kampus Lestari merupakan satu inisiatif yang difikirkan relevan dalam memupuk dan memperkuuhkan pemahaman dan amalan mencintai alam sekitar. Inisiatif ini dapat memandu semua pihak daripada pihak pengurusan tertinggi IPT hingga kepada pelajar dalam memasukkan elemen kelestarian dalam pengurusan masing-masing demi untuk menyokong kelestarian kampus termasuklah dalam aspek kesedaran dan sokongan komuniti, pengurusan ekosistem dan rekabentuk fizikal bangunan.

**Konvensyen Kampus Lestari 2012** merupakan platform perkongsian idea di kalangan warga kampus Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam berkaitan dengan kaedah untuk melestarikan kampus. Program ini juga merupakan platform pertemuan wakil-wakil IPT serta pakar-pakar bidang pengurusan alam sekitar dalam berkongsi idea dan memberi input kepada pelajar berkenaan dengan kaedah yang sesuai dalam mempraktikan amalan kelestarian di kampus masing-masing. Program ini dijalankan juga dalam bentuk pembentangan kertas kerja dari kalangan pakar-pakar, pelajar dan juga NGO. Disamping itu sempena program ini menyediakan platform pameran inisiatif-inisiatif semasa berkenaan pemeliharaan alam sekitar oleh wakil-wakil peserta dan agensi berkaitan.



## **2.0 Objektif**

Objektif penganjuran KKL2012 adalah untuk:

- 2.1 Memupuk dan mengukuhkan kesedaran memelihara dan memulihara alam sekitar
- 2.2 Mendedahkan kepada pelajar pendekatan-pendekatan berguna dan terkini tentang aspek pengurusan ekosistem lestari
- 2.3 Mempertingkatkan usaha IPT dalam melestarikan kampus terutamanya di kalangan
- 2.4 Menggalakkan interaksi IPT dengan pihak industri dan NGO dalam berkongsi maklumat dan inovasi ke arah kelestarian kampus.

## **3.0 Tarikh & Tempat**

Tarikh: 8-9 Disember 2012

Tempat: Bilik Senat & Lobi Bangunan Canselor UKM Bangi

## **4.0 Kaedah Pelaksanaan**

Melalui program ini, kaedah yang digunakan adalah seperti berikut:

- 4.1 Pembentangan kertas kerja – setiap wakil IPT membentangkan kertas kerja inisiatif kelestarian kampus yang sedang dan akan dijalankan disamping mencadangkan kepada peserta tentang amalan terbaik dalam pengurusan ekosistem di IPT masing-masing. Disamping pembentangan wakil-wakil IPT, terdapat juga pembentangan ucaptama dari pakar-pakar yang dikenalpasti.
- 4.2 Pameran– Pameran oleh wakil-wakil IPT, industri dan NGO untuk memaparkan usaha/ pendekatan dalam melestarikan alam sekitar.
- 4.3 Pertandingan Fotografi – pertandingan fotografi yang bertemakan “Kelestarian Alam Semula Jadi.
- 4.4 Pertandingan Poster – Poster yang memaparkan kaedah/ inisiatif/ amalan/ proses melestarikan alam sekitar di kampus

Kesemua aktiviti di atas dipertandingakan dan diadili oleh panel juri yang dilantik.



## 5.0 Struktur Organisasi -----

### **Penaung**

YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Wira Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin  
Naib Canselor, UKM

### **Pengerusi**

YBhg. Prof. Ir. Dr. Othman A. Karim  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UKM

### **Penyelaras**

Encik Musa Zainal Abidin Othman  
Timbalan Pendaftar  
Jabatan Perkhidmatan Pelajar, UKM

### **Jawatankuasa Pemandu Program (Pengisian Program)**

1. Y.Bhg. Dato' Shaharuddin Mohamad Ismail, Felo Utama LESTARI  
UKM (Pengerusi)
2. Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd. Wahid Samsudin, Fakulti Sains dan Tenologi UKM
3. Y.Bhg. Datin Paduka Dr. Halimaton Saadiah Hashim, Felo Utama LESTARI UKM
4. Encik Anuar Ahmad, Pengetua Kolej Antarabangsa Ibu Zain UKM
5. Dr. Mashitoh Yaacob, Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Umum UKM
6. Dr. Rahmah Elfithri, Felo Kolej Antarabangsa Ibu Zain & Felo Penyelidik LESTARI  
UKM
7. Encik Nik Mohd Noor Faizul Md Saad, Pegawai Penyelidikan Kanan LESTARI &  
Timbalan Pengetua Kolej Antarabangsa Ibu Zain UKM
8. Encik Bisharuzi Omar, Pegawai Sains Kanan LESTARI UKM
9. Encik Nor Adlyizan Theis, Felo Kolej Antarabangsa Ibu Zain UKM
10. Encik Ong Chang Ee, Felo Kolej Antarabangsa Ibu Zain UKM & Penolong  
Pendaftar Pusat Pelajar Antarabangsa.

### **Panel Penasihat (Pengurusan Program)**

Encik Nik Mohd Noor Faizul Md Saad  
Timbalan Pengetua Kolej Antarabangsa Ibu Zain (IZISH), UKM

Dr. Rahmah Elfithri  
Felo, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) UKM

### **Sekretariat**

Ahli-ahli Majlis Eksekutif pelajar (MEP), Kolej Antarabangsa Ibu Zain (UKM)  
Ahli-ahli Jawatankuasa Kebajikan Siswa/I (JAKSA) Kolej-kolej Kediaman UKM  
Kelab-kelab Alam Sekitar UKM



## 6.0 Tentatif Prgoram

Tarikh & Waktu	Perkara/Atur cara
8 Disember 2012	
<b>8.00 am – 10.30 am</b>	<p><b>Majlis Perasmian:</b></p> <p>8.00 am Ketibaan Peserta /Tetamu Jemputan      9.00 am Ketibaan Perasmian      9.10 am Ucapan Aluan Pengerusi JK Pelaksana KKL2012      Ucapan Pengerusi JK Pemandu KKL2012      Ucapan Perasmian oleh Menteri Pengajian Tinggi      Gimik Pelancaran KKL2012      Pelancaran Kelab Ekorelawan UKM      Lawatan Pemeran      Jamuan dan Sidang Akhbar</p>
<b>11.00 am – 11.45 am</b>	<p>Ucaptama 1 : <b><i>Perancangan dan Pembangunan UKM Kampus Lestari</i></b>      Ybhg. Datin Paduka Dr. Halimaton Saadiah Hashim      Felo Utama LESTARI</p>
<b>11.45 am – 1.00 pm</b>	<p>Sesi 1,      Pengerusi Sesi: Dr. Rahmah Elfthri, Felo Penyelidik LESTARI UKM</p> <p>Pembentangan 1      Pembentangan 2      Pembentangan 3      Soal Jawab dan Perbincangan</p>
<b>1.00 pm – 2.30 pm</b>	Rehat/Makan Tengahari
<b>2.30 pm – 3.15 pm</b>	<p>Ucaptama 2 : <b><i>Kampus Sisa Sifar</i></b>      Y.Bhg Prof. Ir. Dato' Dr. Hassan Basri      Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina UKM</p>
<b>3.15 pm- 5.00 pm</b>	<p>Sesi 2,      Pengerusi Sesi: Prof. Madya Dr. Noor Ezlin Ahmad Basri, Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina UKM</p> <p>Pembentangan 1      Pembentangan 2      Pembentangan 3      Pembentangan 4      Pembentangan 5      Soal Jawab dan Perbincangan</p>
<b>5.15 pm</b>	Jamuan dan bersurai



Tarikh & Waktu	Perkara/Atur cara
9 Disember 2012	
<b>9.00 am – 10.00 am</b>	Ucaptama 3 : <b><i>Ekorelawan, Peneraju Kelestarian Alam Sekitar</i></b> Ybhg. Dato' Shaharuddin Mohamad Ismail, Felo Utama LESTARI UKM
<b>10.00 am</b>	Minum Pagi
<b>10.30 am – 12.00 pm</b>  10.30 am – 10.45 am 10.45 am – 11.00 am 11.00 am – 11.45 am 11.45 am – 12.00 pm	Sesi 3, Pengerusi Sesi: En. Nik Mohd Noor Faizul Md Saad, Pegawai Penyelidik Kanan LESTARI  Pembentangan 1 Pembentangan 2 Pembentangan 3 Soal Jawab dan Perbincangan
12.00 pm – 1.00 pm	Tayangan Eko-Filem
<b>1.00 pm – 2.00 pm</b>	Rehat /Makan Tengahari
2.00 pm – 4.00 pm	<b>Forum: Kampus Lestari, Peneraju Kesejahteraan Komuniti</b>  Pengerusi Panel: Dr. Sohif Mat, Felo Utama SERI UKM <i>Cadangan Panel</i> Panel 1: Maya Karin, Selebriti/Pelakon/Pengacara Panel 2: Karam Singh Walia, Wartawan TV3 Panel 3: Prof. Dr. Mazlin Mokhtar, Pengarah LESTARI Panel 4: Puan Norashikin Shaharuddin, Yayasan Anak Warisan Alam Malaysia (YAWA)
<b>4.30 pm – 5.30 pm</b>  4.30 pm 4.35 pm  4.50 pm 5.00 pm 5.15 pm 5.30 pm	<b>Majlis Perasmian Penutup:</b>  Ketibaan Perasmian Penutup Program Ucapan Pengerusi JK Pelaksana KKL2012 Ucapan Perasmian Penutup oleh TNC HEPA UKM Tayangan Multimedia Penyampaian Hadiah dan Cenderamata Minum Petang Bersurai



## 7.0 Implikasi Kewangan -----

### Perincian Sumber Dana

Bil.	Perkara	Jumlah (Rm)	Status
1)	Peruntukan Universiti	3000.00	Diperolehi
2)	Peruntukan KPT	22,000.00	Diperolehi
3)	Sumbangan Dana Luar	20,000.00	Sedang mencari sumber kewangan
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>		<b>45,000.00</b>	

### Perincian Perbelanjaan

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1)	<b>PENTADBIRAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kepejabatan &amp; Keurusetiaan</li> </ul>	1000.00
2)	<b>JAMUAN/ MAKANAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Peserta &amp; Tetamu : RM 20 x 2 hari x 250 orang</li> </ul>	10,000.00
3)	<b>KIT PESERTA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>RM30 x 300 orang</li> <li>Beg</li> <li>Cenderahati</li> <li>Bahan kertas kerja</li> </ul>	9,000.00
4)	<b>CENDERAMATA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Perasmian (RM 100 x 1 orang)</li> <li>Ucaptama (RM 50 x 3 orang)</li> <li>Juri (RM 50 x 15 )</li> </ul> <b>SAGUHATI</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Ahli Panel Forum (RM 200 x 4 orang)</li> <li>Artis (RM 1000 x 1 orang)</li> </ul> <b>HADIAH PEMBENTANGAN TERBAIK</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Johan : RM 1500</li> <li>Naib Johan : RM 1000</li> </ul>	1,000.00 1,800.00 3,200.00



	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempat Ketiga : RM 700</li> </ul> <p><b>HADIAH PERTANDINGAN POSTER</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Johan : RM 700</li> <li>• Naib Johan : RM 500</li> <li>• Tempat Ketiga : RM 300</li> </ul> <p><b>HADIAH PERTANDINGAN FOTOGRAFI</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Johan : RM 500</li> <li>• Naib Johan : RM 300</li> <li>• Tempat Ketiga : RM 100</li> </ul>	
5)	<b>PUBLISITI</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Banner (5" x 10" x 5 pcs)</li> <li>• Banting (2" x 5" x 50 pcs)</li> <li>• Poster ( 500 pcs)</li> </ul>	3,000.00
6)	<b>TUGAS-TUGAS KHAS</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tag (RM 2 x 300 orang)</li> </ul>	600.00
7)	<b>TEKNIKAL</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sewaan alatan teknikal</li> </ul>	1,000.00
8)	<b>SEWAAN BOOTH</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• RM 200 x 20 X 2 hari</li> <li>• </li> </ul>	8000.00
9)	<b>PERCETAKAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cetakan dan photostat</li> <li>• Buku Program / Abstrak</li> </ul>	3,000.00
10)	<b>RENCAM</b>	1,000.00
<b>JUMLAH PERBELANJAAN KESELURUHAN</b>		<b>RM45,000.00</b>



## 8.0 Justifikasi Kerjasama -----

Kerjasama dalam pengajuran KKL2012 adalah bertepatan dengan hasrat kerajaan bagi memberikan kesedaran, kemahiran dan ilmu kepada masyarakat terutamanya kepada golongan muda khususnya pelajar IPT. Golongan pelajar IPT merupakan duta utama masyarakat yang boleh disandarkan untuk menjadi penggerak kepada usaha-usaha amalan kelestarian apabila mereka tamat pengajian dan kembali kepada masyarakat.

Dengan kerjasama menjayakan KKL2012, organisasi yang bekerjasama telah memberikan sumbangan kepada perkara berikut ;

a. *Pembangunan Keupayaan dan Latihan*

KKL2012 merupakan platform perkongsi ilmu amalan kelestarian alam sekitar yang dipandu oleh jawatankuasa pemandu yang terdiri daripada pakar-pakar alam sekitar. Perkongsian ilmu dapat meningkatkan kemahiran dan pemahaman pelajar dalam melestarikan persekitaran mereka. Platform ini merupakan yang pertama seumpamanya yang diuruskan dan dilaksanakan oleh pelajar untuk pelajar.

b. *Menggalakkan perkembangan ilmu dan amalan kelestarian alam sekitar*

Pembentangan dan perkongsian amalan kelestarian dapat menambahbaik dan mengembangkan ilmu dan amalan kelestarian yang baik dan efektif. Disamping pembentangan dilaksanakan oleh pelajar, penganjur juga menjemput pakar-pakar untuk membentang ucapnya mengenai isu asas tentang kelestarian kampus.

c. *Menggalakkan kerjasama pintar*

Program ini akan mengeratkan kerjasama pintar antara sektor pengajian tinggi dengan pelbagai pihak berkaitan alam sekitar dalam aspek memacu kesedaran penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar.

d. *Menyebarkan secara tidak langsung dasar-dasar kementerian/jabatan kerajaan (untuk kementerian & jabatan kerajaan)*

Kementerian/ jabatan kerajaan dapat mengambil peluang untuk memberikan pemahaman tentang dasar- dasar Kementerian/ jabatan kerajaan yang telah diwartakan.

## 9.0 Faedah Kerjasama -----

Bentuk kerjasama yang boleh dijalankan adalah melalui sumbangan dalam bentuk dana kewangan, perkhidmatan dan barang. Berikut adalah perincian lanjut berkenaan dengan bentuk kerjasama:

a. *Dana Kewangan*

Oganisasi boleh menyumbang dana kewangan kepada penganjur program melalui kaedah tunai atau melalui cek di atas nama **Bendahari UKM** serta



melalui pindahan dana ke Akaun Bank Bendahari UKM (**CIMB : 1218-0005004-05-8**).

*b. Perkhidmatan*

Oganisasi boleh menyumbang dalam bentuk perkhidmatan yang diperlukan termasuklah dalam bentuk rundingan/kepakaran seperti moderator atau penceramah program serta percetakan.

*c. Barang*

Oganisasi boleh menyumbang dalam bentuk barang keperluan program seperti berikut:

- Makanan/Jamuan
- Hadiah
- Barangan Cenderamata
- Barangan lain yang bersesuaian

Tahap/ Nilai kerjasama yang diberikan akan menentukan status kerjasama organisasi dalam program dan faedah yang diperolehi seperti perincian berikut:

	Penganjur Utama <b>Nilai kerjasama lebih daripada RM 5000.00</b>	Penganjur Bersama <b>Nilai kerjasama antara RM2000.00 dan RM5000.00</b>	Sokongan Kerjasama <b>Nilai kerjasama kurang dari RM2000.00</b>
1	Pengecualian Cukai Pendapatan		Pengecualian Cukai Pendapatan (sekurang-kurangnya RM 200)
2	Paparan nama dan logo organisasi pada : <ul style="list-style-type: none"> <li>- Buku Program</li> <li>- Backdrop</li> <li>- Banner</li> <li>- Bunting</li> <li>- Poster</li> </ul>		Paparan nama dan logo organisasi pada Buku Program sahaja
3	Jemputan wakil organisasi ke majlis perasmian pembukaan/penutupan		
4	Surat/sijil penghargaan		
5	Cenderamata		
6	Paparan nama dan logo organisasi pada persempahan multimedia majlis perasmian/penutupan	-	-
7	Boleh menggunakan nama organisasi dalam nama program . tertakluk kepada pertimbangan penganjur	-	-
8	Iklan organisasi(1 muka surat berwarna) pada buku program	Iklan organisasi(1 muka surat berwarna) pada buku program	-



Penganjur juga menawarkan kepada organsasi / pihak luar untuk membuat publisiti di dalam buku program dengan kadar bayaran berikut:

Ruangan	Saiz Muka Surat	Status	Harga (RM)
Kulit belakang (luar)	1 Muka Surat	berwarna	1000
Kulit Hadapan (Dalam)	1 Muka Surat	berwarna	800
Kulit Belakang (Dalam)	1 Muka Surat	berwarna	500
Helaian Tengah	1 Muka surat	berwarna	300
Helaian Tengah	$\frac{1}{2}$ Muka Surat	berwarna	200
Helaian Tengah	Saiz Kad Nama	berwarna	100
Helaian Tengah	1 Muka Surat	Hitam Putih	100
Helaian Tengah	$\frac{1}{2}$ Muka Surat	Hitam Putih	70
Helaian Tengah	Saiz Kad Nama	Hitam Putih	50

## 10.0 Penutup -----

Adalah menjadi harapan penganjur agar permohonan menjadi rakan kerjasama ini dapat dipertimbangkan dengan sebaiknya. Sekiranya permohonan ini berjaya, sukacitanya mohon mengisi borang maklumbalas yang disertakan. Sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan, pihak kami sedia untuk dihubungi pada talian 014-**6484841 (Tengku Muhammad Adiddudin Shah)**. Semoga kerjasama yang terjalin akan dapat menjayakan penganjuran program ini.



## BORANG MAKLUMBALAS



### Sekretariat

#### Konvensyen Kampus Lestari 2012

Kolej Antarabangsa Ibu Zain,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi,  
Selangor Darul Ehsan.

U/P: Tengku Muhammad Adiddudin Shah (Pengarah Pemasaran)

Tel / Faks : 03-8921 5600  
Tel (hp) : 014-6484841  
Emel : adiddudin\_shah\_15@yahoo.com

Tuan/ Puan,

#### JEMPUTAN MENJADI RAKAN KERJASAMA PROGRAM KONVENTSYEN KAMPUS LESTARI 2012

Sukacita dimaklumkan bahawa bahawa saya/pihak kami (Nama individu/organisasi) :

yang beralamat di :

No Tel : \_\_\_\_\_ No Faks : \_\_\_\_\_

dengan ini bersetuju untuk menjadi rakan kerjasama dengan memberi sumbangan berikut (tandakan (/) yang berkenaan):

(      ) Dana Kewangan

Bersama-sama dengan ini disertakan wang tunai / cek / kiriman wang pos / draf

bank bernombor : \_\_\_\_\_ berjumlah RM \_\_\_\_\_

RINGGIT MALAYSIA \_\_\_\_\_

*Sumbangan ditulis atas nama : **BENDAHARI UKM***



(      ) Perkhidmatan

Nama Perkhidmatan : \_\_\_\_\_  
 Kuantiti / Nilai (RM) \_\_\_\_\_

(      ) Barang

Nama Barang: \_\_\_\_\_ Kuantiti: \_\_\_\_\_  
 Nama Barang: \_\_\_\_\_ Kuantiti: \_\_\_\_\_  
 Nama Barang: \_\_\_\_\_ Kuantiti: \_\_\_\_\_

Sekian, terima kasih

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Cop Rasmi : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

.....*untuk kegunaan penganjur* .....

Pengesahan Penganjur :

Nama : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Masa: \_\_\_\_\_

